



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Selasa, 5 Julai 2022	
1	-Bekalan telur berkurangan di pasaran -Kini, kotak telur pun kene bayar
2	Baja tinja ayam punca pencemaran bau
3	Bekalan telur ayam habis, pemborog kene tutup kedai
4	-Tetap jual ayam RM8.80 sekilogram -Tidak puas hati papan teklur kena caj 30 sen -Peniaga di Johor patuh harga siling ayam, minyak masak
5	-Kompaun jika tiada permit sembelihan

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Bekalan telur berkurangan di pasaran



MOHD. Taib Abu Bakar menunjukkan bekalan telur yang habis dijual di kedainya di Pasar Besar Chukai, Kemaman, Terengganu, semalam.
- UTUSAN/NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN

KEMAMAN: "Saya terpaksa tutup kedai selama tiga hari kerana terputus bekalan telur," luah seorang pemilik kedai borong yang berdepan isu kekurangan bekalan telur di daerah ini yang bermula sejak awal bulan.

Alfian Ibrahim, 53, berkata, dia biasanya mengambil bekalan 3,000 papan telur untuk stok selama seminggu tetapi bekalan 3,400 papan pada hari Sabtu habis dibeli pelanggan dalam masa tidak sampai tiga hari.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di pasar raya, kedai pemborong dan kedai runcit mendapati dakwaan Alfian ada benar kerana kebanyakan peniaga kehabisan stok.

"Apa yang mengejutkan saya, pembeli yang datang membeli telur beberapa hari lepas adalah pelanggan daripada luar terma-

suk dari Cherating, Pahang dan dari Dungun," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, peniaga kedai runcit, Mohd. Taib Abu Bakar, 61, pula berkata, dia tidak dapat memenuhi permintaan pelanggan apabila tidak mendapat bekalan telur meskipun telah pergi ke beberapa pasar raya dan kedai pemborong untuk jualan di kedai runcitnya.

"Dah lebih tiga pasar raya dan kedai pemborong saya pergi, semuanya habis bekalan telur.

"Biasanya, saya akan beli 20 papan telur untuk dijual kepada pelanggan kedai makan yang membuat tempahan, tapi bekalan di pasaran berkurangan sebab ramai orang beli telur banyak-banyak untuk buat stok tanpa fikir telur cepat rosak," katanya.

Kini, kotak telur pun kena bayar

SUNGAI PETANI: Tindakan sebuah pasar raya di Taman Sejati, di sini yang mengenakan bayaran tambahan sebanyak 30 sen bagi setiap kotak telur yang dibeli pelanggan mengundang pelbagai rungutan.

Ini berikutan, sejak beberapa hari lalu tular di media sosial caj kotak telur yang dimuat naik seorang pelanggan menerusi sekeping resit selepas membeli sepapan telur gred D di pasar raya berkenaan.

Keadaan itu menyebabkan pengguna terabit merasa seperti ditindas selepas tertekan dengan isu kenaikan harga barang yang secara langsung menyebabkan kos sara hidup tinggi.

Malah caj yang dikenakan itu disifatkan rata-rata pelanggan sebagai tindakan tidak bertanggungjawab peniaga yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata.

Seorang suri rumah dari Taman Sri Gedong, Sabariah Sabar, 42, berkata, tindakan pasar raya terbabit mengenakan caj kotak telur itu membuktikan peniaga kini mengambil kesempatan dan bertindak sesuka hati untuk menekan pengguna.

"Tidak sepatutnya caj kotak telur itu dikenakan selepas berlaku pelbagai kenaikan harga barangan kebelakangan ini yang sudah tentu menjejaskan kehidupan dan ekonomi rakyat," katanya ketika ditemui, semalam.

Bagi Hambali Hashim, 39, yang bertugas sebagai operator sebuah kilang di sini, penjual kini dilihat seolah-olah cuba mengambil kesempatan terhadap pengguna dengan mengenakan caj yang dianggap keterlaluan semata-mata mahukan untung berlebihan.

"Kasihailah kami yang bergaji kecil dan mempunyai anak ramai ini kerana setiap sen yang dikeluarkan untuk berbelanja tidak boleh dibuang sesuka hati," katanya.

Baja tinja ayam punca pencemaran bau

HULU SELANGOR - Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) mengenal pasti baja tinja ayam menjadi penyumbang kepada masalah pencemaran bau kepada penduduk di Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung di sini.

Yang Dipertuanya, Mohd Hasry Nor Mohd berkata, siasatan awal dijalankan pada jam 11 pagi mendapati terdapat longgokan guni baja di kebun pisang yang jaraknya 10 meter dari kawasan perumahan dan sekolah berhampiran.

"Sebanyak 1,600 guni baja jenis tinja ayam dilonggokkan di kawasan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Mohd Hasry berkata, anggota operasi telah bertemu dengan pengusaha kebun yang memaklumkan baja tersebut digunakan untuk aktiviti tanaman 600 pokok pisang di kebunnya.

Jelas beliau, pengusaha kebun terbabit turut memaklumkan dia menyewa tanah tersebut daripada pemaju dan tinja ayam yang digunakan pula telah dirawat.

"Pemeriksaan lanjut telah dijalankan dan mendapati tempat longgokan baja tinja (biru) adalah pengezonan pengangkutan dan institusi kemudahan masyarakat (pendidikan).

"MPHS akan mengeluarkan Notis Menghendaki Kacau Ganggu Dihapuskan (Akta Kerajaan Tempatan 1976) dalam tempoh tujuh hari kepada pengusaha dan pemaju, selain laporan akan dipanjangkan kepada Jabatan Pertanian dan Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor untuk tindakan lanjut," katanya.

Bekalan telur ayam habis, pemborong kena tutup kedai



MOHD. TAIB menunjukkan bekas telur kosong selepas bekalan telur dikedainya habis di Chukai, Kemaman semalam.


KEMAMAN – Bekalan telur ayam di daerah ini yang berkurangan sejak 1 Julai lalu semakin membimbangkan apabila kebanyakan pemborong, pasar raya dan kedai tidak mempunyai stok.

Seorang pemborong telur, Alfian Ibrahim, 53, berkata, dia terpaksa menutup premis perniagaannya selama tiga hari berselepas terputus bekalan telur.

"Biasanya, saya ambil bekalan telur sebanyak 3,000 papan dan cukup untuk seminggu. Bagaimanapun stok 3,400 papan yang diambil Sabtu lalu habis dijual tidak sampai tiga hari.

"Apa yang mengejutkan, pelanggan yang membeli kebanyakan dari luar daerah ini termasuk Cherating, Pahang dan Dungun," katanya di sini semalam.

Alfian percaya, pembelian panik tersebut disebabkan keseimbangan pengguna terutama



BEBERAPA kedai pemborong telur terpaksa menutup premis berikutan tiada stok.

pengusaha kedai makan berhubung kenaikan mendadak harga telur.

Bagi peniaga kedai runcit, Mohd. Taib Abu Bakar, 61, pula dia tidak dapat memenuhi permintaan pelanggannya kerana

tidak mendapat bekalan telur meskipun telah mencari ke beberapa pasar raya dan kedai pemborong.

"Biasanya, saya akan beli 20 papan telur untuk dijual kepada peniaga kedai makan yang telah membuat tempahan, namun sudah lebih tiga pasar raya semuanya habis (telur).

"Jangkaan saya, krisis bekalan ini berikutan pembelian panik daripada pengguna yang dikatakan membuat stok bagi mengelak terputus bekalan," jelasnya.

Bagi seorang pengguna, Muhammad Azmi Razali, 56, dia memilih untuk makan telur itik dan telur ayam kampung bagi menggantikan telur ayam.

"Kalau tiada telur ayam biasa, saya akan beli telur itik dan telur ayam kampung yang mana rasanya lebih enak walaupun harga lebih mahal," katanya.



MURNI (kanan) dan pekerjaanya memotong ayam proses yang dijual pada harga RM8.80 sekilogram di kedai runcitnya di Pantal Senok, Bachok semalam.

Peniaga di Bachok dan Gua Musang kekal harga lama

Tetap jual ayam RM8.80 sekilogram

Oleh ROHANA MOHD. NAWI dan AIMUNI TUAN LAH

BACHOK – Beberapa peniaga di daerah ini tetap mahu menjual ayam standard pada harga siling lama iaitu RM8.80 sekilogram berbanding RM9.40 sekilogram harga yang ditetapkan bermula 1 Julai.

Mereka berpendapat masih mendapat keuntungan walaupun dengan menjual harga lama.

Seorang peniaga ayam proses di Pantai Senok yang mahu dikenali Murni, 50, berkata, dia menjual ayam standard pada harga RM8.80 sekilogram sekali gus lebih murah berbanding harga siling yang ditetapkan kerajaan iaitu RM9.40 yang baharu ditetapkan kerajaan.

Ujarnya, harga yang ditawarkan di kedai runcitnya itu sudah membolehkan dia mendapat

sedikit keuntungan daripada penjualan sekilogram ayam.

Katanya lagi, dia memperoleh bekalan ayam proses dari ladang ternakan di Perak pada harga yang masih dianggap berpatutan ketika ini.

“Apabila dicampur dengan kos penghantaran dari sana ke Kelantan, kita masih lagi boleh menjual ayam proses di bawah paras harga siling yang ditetapkan kerajaan.

“Saya perlu menjual ayam proses pada harga yang mampu milik kerana semasa harganya melonjak sebelum ini, premis saya kurang menerima pelanggan yang membeli bekalan bahan mentah itu,” katanya ketika ditemui Kosmo! semalam.

Kata Murni, dia turut mehangkakan ayam proses akan turun ke paras RM7 sekilogram sekiranya bekalan bahan mentah terse-

but terus ada di pasaran seperti keadaan semasa ketika ini.

Ujarnya, kebanyakan peniaga juga tidak mengenakan caj pemotongan ayam kepada pelanggan ketika ini.

Di **Gua Musang**, seorang pengguna, Norzulin Harun Hassan, 55, berkata, langkah penetapan harga siling yang ditetapkan kerajaan dilihat membantu mengurangkan impak peningkatan kos sara hidup keluarganya.

Ujarnya, dia bersyukur ayam ada harga siling berbanding ura-ura harga diapungkan.

“Saya perlu sediakan ayam untuk tujuh ahli keluarga dan ayam itu hanya mampu bertahan tempoh dua hari,” ujarnya.

Sebelum ini, kerajaan mengemukakan harga siling bagi ayam standard ditetapkan pada kadar RM9.40 sekilogram berkuat kuasa bermula 1 Julai ini.

Tidak puas hati papan telur kena caj 30 sen

SUNGAI PETANI – Pengguna di daerah ini terkejut apabila sebuah pasar raya mengenakan caj 30 sen bagi setiap bekas telur yang dibeli pelanggan.

Bagi pengguna yang ingin menutup telur di bahagian atas dan bawah, caj 30 sen dua kali akan dikenakan.

Gambar resit caj kotak telur tersebut turut ditularkan pengguna di Facebook kelmarin sehingga mengundang pelbagai reaksi netizen.

Suri rumah daripada Taman Sri Gedong, Sabariah Sabar, 42, berkata, peniaga tidak sepatutnya mengenakan caj pada kotak pengisian atau papan telur tersebut.

“Tidak sepatutnya caj kotak telur itu dikenakan selepas pengguna terpaksa berhadapan dengan kenaikan harga pelbagai barangan pada ketika ini,” katanya di sini semalam.

Bagi operator pengeluaran

sebuah kilang di sini, Hambali Hashim, 39, dia terkejut dengan tindakan premis berkenaan.

“Sudahlah harga telur naik, papan telur pun hendak dijual. Walaupun nilainya kecil, namun perkara sebegini tidak sepatutnya berlaku,” ujarnya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengguna kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, caj kotak telur itu menyebabkan pembeli terpaksa membayar pada harga lebih.

“Rata-rata pengguna akan membeli telur secara banyak ini adalah daripada keluarga yang besar dan berpendapatan rendah. Jika kotak telur pun kena bayar, ia sudah pasti menjadi beban kepada mereka,” katanya.

Beliau berharap pihak berkuasa dapat memantau dan mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah itu.

TAMAN SRI GEDONG 08000 SUNGAI PETANI Tel : 016-4412037 / 04-4319082	
Invoice No	: 00200011214042033
Date	: 28 Jun 2022
Counter	: 101
Cashier	: [Barcode]
Duplicate Copy	
Iten	Amount (RM)
TELUR GRED D (30)	
30 x 0.41 (Disc: 0.01)	12.00
PAPAN TELUR	
2 x 0.30	0.60

RESIT tular seorang pengguna yang dikenakan caj 60 sen bagi bekas letak telur dan penutupnya di Sungai Petani.

Peniaga di Johor patuh harga siling ayam, minyak masak

JOHOR BAHRU – Peniaga di negeri ini patuh dengan arahan dengan menjual harga ayam standard RM9.40 sekilogram seperti yang ditetapkan kerajaan.

Selain itu harga minyak masak botol turut dijual dengan harga baharu di sini.

Tinjauan Kosmo! di sebuah pasar raya di Tampoi di sini mendapati para peniaga mematuhi

harga yang telah ditetapkan dengan meletakkan tanda harga di hadapan gerai masing-masing.

Sebelum ini harga ayam naik mendadak sehingga ada yang mencecah RM12 sekilogram menyebabkan para pengguna mengeluh dengan harga ayam yang melambung tinggi.

Sejak 1 Julai harga siling runcit ayam standard ditetapkan pada

kadar RM9.40 sekilogram bagi semenanjung.

Seorang peniaga kedai runcit, Sofian Shafie, 42, berkata, harga ayam kini dijual berdasarkan harga baharu sejak 1 Julai.

“Minyak pula kami masih guna harga lama kerana stok lama masih banyak lagi,” ujarnya.

Jelasnya, harga minyak masak masih belum naik dan dia masih

menunggu stok baharu daripada pemborong.

Bermula 1 Julai harga minyak masak bagi semenanjung mula dijual tanpa subsidi dengan harga baharu bermula RM9.40 hingga RM9.50 bagi 1 sekilogram.

Bagi 2 kilogram sebotol dijual dengan harga RM18.05 dan RM18.25, 3 kilogram RM26.65 dan RM26.95 dan 5 kilogram ditetap-

kan harga bermula RM42.20 dan RM42.70.

Bagi peniaga yang mahu dikenali Rahim di sini berkata, dia bersyukur harga ayam sudah dimuktamadkan.

“Pembeli marah-marah harga ayam melambung sebelum ini, minyak masak pula ramai cari peket tetapi tiada stok,” ujarnya.

Kompaun jika tiada permit sembelihan

Alor Setar: Umat Islam yang bakal melaksanakan ibadah korban sempena Aidiladha perlu mendapatkan permit penyembelihan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Perusahaan Perladangan Komoditi dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, Datuk Azman Nasrudin berkata, langkah itu bagi memastikan ternakan yang sihat sahaja disembelih serta mengurangkan risiko berlakunya kejadian wabak penyakit ternakan selepas musim perayaan.

"Orang ramai yang berhasrat melaksanakan ibadah korban hendaklah mematuhi peraturan ditetapkan dan membuat permohonan pendaftaran penyembelihan di Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah berhampiran.

"JPV Kedah menyediakan prosedur permohonan untuk pelaksanaan ibadah korban selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada bagi kemudahan semua pihak," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Azman mengingatkan kegagalan mendaftarkan ternakan adalah kesalahan mengikut Enakmen Pendaftaran Kerbau Lembu Negeri Kedah (pindaan



JPV Kedah menyediakan prosedur permohonan untuk pelaksanaan ibadah korban selaras dengan peruntukan undang-undang sedia ada bagi kemudahan semua pihak"

Azman Nasrudin

pertama 1990) dan boleh dikompaun tidak melebihi RM300.

"Mereka yang melakukan pemindahan ternakan lembu, kerbau, kambing dan bebiri tanpa kebenaran bertulis yang sah daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau Pihak Berkuasa Veterinar juga boleh diambil tindakan mengikut Akta Binatang 1953 (pindaan 2013) dan denda tidak lebih RM15,000.

"Kita memohon kerjasama semua pihak yang berhasrat melaksanakan ibadah korban membuat pendaftaran ternakan dan mendapat kebenaran pemindahan ternakan di Pejabat Perkhidmatan Veterinar daerah selewat-lewatnya Khamis ini," katanya.



UMAT Islam di Kedah yang bakal melaksanakan ibadah korban perlu mendapatkan permit penyembelihan daripada JPV.